

1 Apakah langkah akhir dalam kitaran perakaunan?

- A Pelarasan
- B Penyata Kewangan
- C Buku Catatan Pertama
- D Imbangan Duga Terselaras

2 Maklumat berikut merujuk kepada Perniagaan Kak Cik Yah.

- Memulakan perniagaan menjual rempeyek pada 1 September 2024
- Tempoh perakaunan berakhir setiap enam bulan

Antara berikut, yang manakah tempoh perakaunan perniagaan tersebut?

- A 1 September 2024 – 1 Februari 2025
- B 1 September 2024 – 28 Februari 2025
- C 1 September 2024 – 1 Mac 2025
- D 1 September 2024 – 31 Mac 2025

3 Apakah komponen bagi insurans atas belian dalam Penyata Pendapatan?

- A Jualan bersih
- B Kos jualan
- C Belanja
- D Hasil

4 Kedai Kasut Ketaa membayar RM2 000 untuk sewa pejabat secara tunai. Apakah kesan terhadap urus niaga ini terhadap persamaan perakaunan?

- A Aset dan liabiliti berkurang RM2 000
- B Aset dan liabiliti bertambah RM2 000
- C Aset dan ekuiti pemilik berkurang RM2 000
- D Aset dan ekuiti pemilik bertambah RM2 000

- 5 Apakah kegunaan dokumen bukan sumber?
- A Dokumen dalaman untuk merekodkan pembayaran
  - B Sumber maklumat bagi tujuan perekodan dalam perakaunan
  - C Merekodkan transaksi jualan dan pembelian secara langsung
  - D Dokumen sokongan untuk rujukan urus niaga yang direkodkan
- 6 Apakah dokumen yang diguna untuk memaklumkan pelanggan tentang jumlah yang perlu dijelaskan?
- A Invois
  - B Nota kredit
  - C Penyata akaun
  - D Makluman kredit
- 7 Berikut adalah keratan cek Kedai Bakery Cerry.

|             |                     |               |  |
|-------------|---------------------|---------------|--|
| Tarikh:     | 3 Mei 2025          |               |  |
| Penerima:   | Yum Bakery Supplier |               |  |
| Untuk:      | Menjelaskan invois  |               |  |
| Baki akhir  | 12 300              | 00            |  |
| Deposit     | 2 000               | 00            |  |
| Jumlah      | 14 300              | 00            |  |
| Cek ini     | 5 000               | 00            |  |
| Baki        | 9 300               | 00            |  |
| <b>BMMB</b> |                     | <b>266101</b> |  |

Berapakah nilai yang akan direkodkan dalam Buku Tunai?

- A RM14 300
- B RM12 300
- C RM9 300
- D RM5 000

- 8 Apakah kegunaan Buku Tunai Runcit?
- A Merekod semua urusan niaga perniagaan
  - B Merekod pembayaran amaun yang kecil
  - C Merekod anggaran wang masuk dan wang keluar
  - D Merekod penerimaan dan pembayaran tunai dan cek
- 9 Urus niaga yang manakah direkod dalam Jurnal Khas?
- I Menjual barang niaga secara kredit
  - II Membeli aset bukan semasa secara kredit
  - III Mengambil aset bukan semasa untuk kegunaan peribadi
  - IV Memulangkan barang niaga yang rosak kepada pembekal
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 10 Kedai Runcit Fattah membeli mesin daftar tunai secara kredit daripada Perniagaan Amira. Apakah buku catatan pertama yang terlibat?
- A Jurnal Am
  - B Buku Tunai
  - C Jurnal Belian
  - D Buku Tunai Runcit
- 11 Apakah butiran yang terdapat dalam Akaun Kawalan Belum Terima?
- A Diskaun diberi
  - B Pulangan keluar
  - C Angkutan masuk
  - D Peruntukan hutang ragu

12 Maklumat berikut merupakan catatan bergu bagi Perniagaan Emey.

| Debit      | Kredit      |
|------------|-------------|
| Akaun Sewa | Akaun Modal |

Urus niaga yang manakah digunakan untuk catatan tersebut?

- A Menggunakan wang perniagaan untuk membayar sewa
- B Membayar sewa menggunakan wang pinjaman peribadi
- C Menjelaskan sewa kediaman menggunakan wang peribadi
- D Mengeluarkan wang perniagaan untuk membayar sewa kediaman

13 Pernyataan yang manakah menerangkan fungsi Imbangan Duga?

- A Menyemak ketepatan catatan bergu
- B Mengukur prestasi sesebuah perniagaan
- C Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan
- D Menentukan jumlah aset, liabiliti dan ekuiti pemilik

14 Butiran yang manakah dicatat di sebelah debit Akaun Untung Rugi?

- A Faedah simpanan
- B Angkutan masuk
- C Insurans
- D Dividen

- 15 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Amyna pada 31 Mei 2025.

|                  | RM     |
|------------------|--------|
| Inventori akhir  | 4 500  |
| Belian bersih    | 18 270 |
| Pulangan keluar  | 130    |
| Upah atas belian | 120    |

Berapakah kos jualan?

- A RM13 760
  - B RM13 890
  - C RM22 760
  - D RM23 020
- 16 Apakah sebab berlakunya susut nilai terhadap Aset Bukan Semasa?
- A Kerugian dalam perniagaan
  - B Kerosakan fizikal dan keusangan
  - C Kos penyelenggaraan semakin meningkat
  - D Perbelanjaan perniagaan semakin bertambah
- 17 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kedai Anas.

Bil elektrik bernilai RM300 belum dijelaskan

Apakah komponen yang terlibat dan kesan urus niaga ke atas untung bersih terselaras?

|   | Komponen         | Untung Bersih |
|---|------------------|---------------|
| A | Aset Semasa      | Bertambah     |
| B | Liabiliti Semasa | Bertambah     |
| C | Aset Semasa      | Berkurang     |
| D | Liabiliti Semasa | Berkurang     |

- 18 Maklumat berikut berkaitan dengan pelupusan mesin Khasyaf Enterprise pada 31 Mac 2025.

|                    |       |
|--------------------|-------|
|                    | RM    |
| Mesin (nilai buku) | 7 800 |
| Harga jualan mesin | 7 100 |

Antara berikut, catatan yang manakah betul dalam Jurnal Am?

A

| Jurnal Am      |                                         |           |           |
|----------------|-----------------------------------------|-----------|-----------|
| Tarikh         | Butir                                   | Debit     | Kredit    |
| 2025<br>Mac 31 | Rugi Pelupusan Mesin<br>Pelupusan Mesin | RM<br>700 | RM<br>700 |

B

| Jurnal Am      |                                         |           |           |
|----------------|-----------------------------------------|-----------|-----------|
| Tarikh         | Butir                                   | Debit     | Kredit    |
| 2025<br>Mac 31 | Pelupusan Mesin<br>Rugi Pelupusan Mesin | RM<br>700 | RM<br>700 |

C

| Jurnal Am      |                                           |           |           |
|----------------|-------------------------------------------|-----------|-----------|
| Tarikh         | Butir                                     | Debit     | Kredit    |
| 2025<br>Mac 31 | Pelupusan Mesin<br>Untung Pelupusan Mesin | RM<br>700 | RM<br>700 |

D

| Jurnal Am      |                                           |           |           |
|----------------|-------------------------------------------|-----------|-----------|
| Tarikh         | Butir                                     | Debit     | Kredit    |
| 2025<br>Mac 31 | Untung Pelupusan Mesin<br>Pelupusan Mesin | RM<br>700 | RM<br>700 |

- 19 Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku Perniagaan Butik Farah.

Belian komputer bernilai RM3 500 tersilap rekod dalam Akaun Belian

Apakah kesilapan tersebut?

- A Kesilapan prinsip  
B Kesilapan komisen  
C Kesilapan songsang  
D Kesilapan saling mengimbangi

20 Berikut ialah petikan Imbangan Duga Kedai Umar pada 31 Disember 2024.

| Butiran                | Debit (RM) | Kredit (RM) |
|------------------------|------------|-------------|
| Akaun Belum Terima     | 19 300     |             |
| Peruntukan Hutang Ragu |            | 450         |

Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima bersih  
Apakah catatan yang betul dalam Akaun Peruntukan Hutang Ragu?

A Akaun Peruntukan Hutang Ragu

|                 |            |                    |            |
|-----------------|------------|--------------------|------------|
| 2024            | RM         | 2024               | RM         |
| Dis 31 Baki h/b | 836        | Jan 1 Baki b/b     | 450        |
|                 |            | Dis 31 Hutang ragu | 386        |
|                 | <u>836</u> |                    | <u>836</u> |
|                 |            | 2025               |            |
|                 |            | Jan 1 Baki b/b     | 836        |

B Akaun Peruntukan Hutang Ragu

|                    |            |                |            |
|--------------------|------------|----------------|------------|
| 2024               | RM         | 2024           | RM         |
| Dis 31 Hutang Ragu | 64         | Jan 1 Baki b/b | 450        |
| Baki h/b           | 386        |                |            |
|                    | <u>450</u> |                | <u>450</u> |
|                    |            | 2025           |            |
|                    |            | Jan 1 Baki b/b | 386        |

C Akaun Peruntukan Hutang Ragu

|                 |            |                    |            |
|-----------------|------------|--------------------|------------|
| 2024            | RM         | 2024               | RM         |
| Dis 31 Baki h/b | 827        | Jan 1 Baki b/b     | 450        |
|                 |            | Dis 31 Hutang ragu | 377        |
|                 | <u>827</u> |                    | <u>827</u> |
|                 |            | 2025               |            |
|                 |            | Jan 1 Baki b/b     | 827        |

D Akaun Peruntukan Hutang Ragu

|                    |            |                |            |
|--------------------|------------|----------------|------------|
| 2024               | RM         | 2024           | RM         |
| Dis 31 Hutang Ragu | 73         | Jan 1 Baki b/b | 450        |
| Baki h/b           | 377        |                |            |
|                    | <u>450</u> |                | <u>450</u> |
|                    |            | 2025           |            |
|                    |            | Jan 1 Baki b/b | 377        |

21 Pasangan yang manakah **betul** tentang nisbah dan kegunaannya?

|   | Nisbah                 | Kegunaan                                                                   |
|---|------------------------|----------------------------------------------------------------------------|
| A | Margin untung kasar    | Menghitung untung kasar yang diperoleh daripada setiap ringgit kos jualan  |
| B | Nisbah ujian asid      | Mengukur kemampuan menjelaskan semua liabiliti semasa                      |
| C | Pulangan atas modal    | Mengukur kemampuan mendapatkan untung kasar atas modal yang dilaburkan     |
| D | Pusing ganti inventori | Mengukur keupayaan perniagaan menjual barang niaga dalam tempoh perakaunan |

22 Maklumat berikut diambil daripada sebuah perniagaan.

|                         | RM     |
|-------------------------|--------|
| Inventori awal          | 16 870 |
| Inventori akhir         | 19 560 |
| Kos barang untuk dijual | 82 300 |

Berapakah kadar pusing ganti inventori?

- A 1.72 kali
- B 2.26 kali
- C 3.44 kali
- D 4.52 kali

23 Apakah kesan kepada perniagaan yang mengamalkan sistem catatan tunggal?

- A Imbangan duga sukar disediakan
- B Kesilapan catatan tidak dapat dikesan
- C Penyata Kedudukan Kewangan tidak dapat disediakan
- D Penilaian prestasi perniagaan tidak dapat dilakukan dengan tepat

- 24 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Ali yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu.

|                   | RM     |
|-------------------|--------|
| Modal 1 Mac 2024  | 11 000 |
| Modal 28 Feb 2025 | 26 000 |
| Ambilan           | 1 500  |
| Modal tambahan    | 6 000  |

Berapakah untung perniagaan tersebut?

- A RM29 500  
 B RM22 500  
 C RM19 500  
 D RM10 500
- 25 Berikut adalah maklumat Perniagaan Juta Jaya yang menyimpan rekod perniagaannya tetapi tidak lengkap.

|                    | 1 Jun 2024 | 31 Mei 2025 |
|--------------------|------------|-------------|
|                    | RM         | RM          |
| Akaun Belum Terima | 8 500      | 17 000      |

**Maklumat tambahan:**

- i) Pulangan keluar RM2 540  
 ii) Penerimaan daripada Akaun Belum Terima RM23 540

Berapakah jumlah jualan kredit?

- A RM32 040  
 B RM29 500  
 C RM17 580  
 D RM15 040

26 Butiran yang manakah **tidak** direkod dalam Buku Tunai dikemas kini?

- A Caj bank
- B Perintah sedia ada
- C Faedah atas simpanan
- D Deposit belum dikreditkan

27 Maklumat berikut diambil daripada Kedai Yenny.

|                            | RM    |
|----------------------------|-------|
| Baki debit di Penyata Bank | 800   |
| Cek belum dikemukakan      | 2 500 |
| Deposit belum dikreditkan  | 3 000 |

Berapakah baki di Buku Tunai?

- A Debit RM300
- B Debit RM1 300
- C Kredit RM300
- D Kredit RM1 300

28 Urus niaga yang manakah diambil kira dalam penyediaan Belanjawan Tunai?

- A Jualan barang niaga RM3 100 secara kredit
- B Akaun Belum Terima menjelaskan hutang RM2 000
- C Hutang pelanggan Azie RM400 dihapuskan sebagai hutang lapuk
- D Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima

29 Butiran yang manakah direkodkan dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi?

- A Jualan
- B Ambilan
- C Gaji pekongsi
- D Faedah atas pinjaman

30 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perkongsian AMSYAR pada 1 April 2024.

|               | RM     |
|---------------|--------|
| Modal Amran   | 40 000 |
| Modal Syahrin | 35 000 |

**Maklumat tambahan:**

- i) Amran membawa masuk modal tambahan RM6 000 pada 1 Ogos 2024.
- ii) Faedah atas modal dibayar 5% setahun.

Berapakah jumlah faedah atas modal bagi tempoh berakhir pada 31 Mac 2025?

- A RM2 200
- B RM2 300
- C RM3 750
- D RM3 950

31 Maklumat berikut berkaitan dengan perkongsian Firas pada 31 Mei 2025.

|                     | RM    |
|---------------------|-------|
| Faedah atas ambilan | 300   |
| Kongsi untung       | 4 500 |

**Maklumat tambahan:**

Pada 1 Jun 2024, Akaun Semasa Firas menunjukkan baki debit RM1 500.

Berapakah baki Akaun Semasa Firas pada 31 Mei 2025?

- A RM6 300
- B RM5 700
- C RM3 300
- D RM2 700

- 32 Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diperoleh daripada sebuah perkongsian yang dibubarkan.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Januari 2025 (petikan)

|                    | RM    | RM |
|--------------------|-------|----|
| <b>Aset Semasa</b> |       |    |
| Akaun Belum Terima | 3 360 |    |

**Maklumat tambahan:**

Perniagaan berjaya mengutip RM3 000 daripada Akaun Belum Terima dan bakinya dihapuskan sebagai hutang lapuk.

Apakah catatan yang betul dalam Akaun Realisasi pada 31 Januari 2025?

A

| Akaun Realisasi |       |    |        |       |       |
|-----------------|-------|----|--------|-------|-------|
| Tarikh          | Butir | RM | Tarikh | Butir | RM    |
|                 |       |    | 2025   |       |       |
|                 |       |    | Jan 31 | Bank  | 3 000 |

B

| Akaun Realisasi |       |    |        |                    |       |
|-----------------|-------|----|--------|--------------------|-------|
| Tarikh          | Butir | RM | Tarikh | Butir              | RM    |
|                 |       |    | 2025   |                    |       |
|                 |       |    | Jan 31 | Akaun Belum Terima | 3 000 |

C

| Akaun Realisasi |       |    |        |       |       |
|-----------------|-------|----|--------|-------|-------|
| Tarikh          | Butir | RM | Tarikh | Butir | RM    |
|                 |       |    | 2025   |       |       |
|                 |       |    | Jan 31 | Bank  | 3 360 |

D

| Akaun Realisasi |       |    |        |                    |       |
|-----------------|-------|----|--------|--------------------|-------|
| Tarikh          | Butir | RM | Tarikh | Butir              | RM    |
|                 |       |    | 2025   |                    |       |
|                 |       |    | Jan 31 | Akaun Belum Terima | 3 360 |

- 33 Pernyataan yang manakah menerangkan ciri syer biasa?
- A Pemegang syer boleh menerima tunggakan dividen
  - B Kadar dividen bergantung kepada keuntungan syarikat
  - C Tuntutan ke atas aset didahulukan jika berlaku pembubaran
  - D Pemegang syer tidak berhak mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan

- 34 Maklumat berikut berkaitan syer yang dibeli oleh Puan Manisha Rai.

Pada 1 Januari 2024, Puan Manisha Rai telah membeli 2 000 unit 8% syer keutamaan RM2 sesyer dan 1 000 unit syer biasa RM1 sesyer

**Maklumat tambahan:**

- i) Pada 30 Jun 2024, lembaga pengarah telah mengisytiharkan dividen interim bagi syer keutamaan.
- ii) Pada 31 Disember 2024, kadar dividen akhir bagi syer biasa 5%.

Berapakah dividen akhir pada 31 Disember 2024?

- A RM50
  - B RM185
  - C RM210
  - D RM370
- 35 Kelab Memanah Seri Ambangan telah membeli sebuah lot kedai untuk dijadikan tempat latihan memanah. Apakah komponen yang terlibat?
- A Perbelanjaan modal
  - B Perbelanjaan hasil
  - C Pendapatan modal
  - D Pendapatan hasil

- 36 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Futsal SP Utara.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun  
berakhir 31 Disember 2024 (petikan)

|             | RM    |   | RM  |
|-------------|-------|---|-----|
| Baki b/b    | 2 800 | Y | 700 |
| Yuran masuk | 300   |   |     |
| X           | 3 000 |   |     |

Apakah butir X dan Y?

|   | X               | Y                     |
|---|-----------------|-----------------------|
| A | Yuran ahli      | Komisen diterima      |
| B | Honorarium      | Belanja pertandingan  |
| C | Alat tulis      | Derma bina gelanggang |
| D | Sewa gelanggang | Kadar bayaran         |

- 37 Maklumat perakaunan berikut diperoleh daripada Kelab Fotografi Jiwa bagi tempoh berakhir 30 Jun 2024.

|                               | RM     |
|-------------------------------|--------|
| Aset pada 1 Julai 2023        | 21 000 |
| Liabiliti pada 1 Julai 2023   | 4 200  |
| Untung pertandingan fotografi | 1 200  |
| Derma membeli kamera          | 5 000  |
| Lebihan                       | 3 500  |

Berapakah dana terkumpul pada 30 Jun 2024?

- A RM21 500
- B RM23 000
- C RM25 300
- D RM26 500

38 Butiran yang manakah diambil kira untuk menghitung kos prima bagi Perusahaan Kerepek Pisang Murni?

- I Sewa kilang
- II Upah pekerja
- III Minyak masak
- IV Gaji pengurus

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

39 **P** ialah lebihan hasil jualan berbanding kos berubah

Apakah **P**?

- A Tokokan
- B Untung bersih
- C Margin caruman
- D Titik Pulang Modal

40 Perusahaan Jus Sedap menjual jus durian belanda dengan harga RM5.00 sebotol dan kos yang berkaitan dengan pengeluaran adalah seperti berikut:

|                    | RM     |
|--------------------|--------|
| Kos tetap          | 12 000 |
| Kos berubah seunit | 3.75   |

Berapakah bilangan botol yang perlu dikeluarkan untuk mencapai untung sasaran RM6 000?

- A 15 000 unit
- B 14 400 unit
- C 4 800 unit
- D 3 600 unit

**MODUL TAMAT**